

Pengguna perlu bijak kongsi, sebar maklumat di media sosial

Penggunaan aplikasi pesanan melalui telefon pintar sangat popular hari ini. Boleh dikatakan hampir semua perkara disampaikan dan dikongsi bersama menerusi aplikasi itu termasuk urusan rasmi, sulit dan rahsia dalam pekerjaan sekalipun.

Hakikatnya, ia belum tentu selamat dan kekal rahsia, walaupun maklumat hanya dikongsikan dengan orang tertentu.

Data atau maklumat sangat bernilai hari ini hingga ada pihak tidak bertanggungjawab sanggup memani-pulasi semata-mata untuk mengaut keuntungan. Contohnya, penjualan nombor telefon penjawat awam pada

harga rendah di laman e-dagang.

Aplikasi pesanan di telefon pintar dibangunkan bertujuan menyediakan pelantar komunikasi sangat efektif dan murah berbanding khidmat pesanan ringkas (SMS).

Namun, apabila suatu syarikat gergasi teknologi maklumat (IT) yang juga mempunyai aplikasi media sosialnya tersendiri dibeli, penciptanya menyatakan kekusaran terhadap keselamatan dan kerahsiaan penggunaan aplikasi itu pada masa akan datang.

Kebimbangan ini menjadi nyata hingga kedua-dua pencipta aplikasi terbabit meninggalkan syarikat gergasi

IT berkenaan. Malah, seorang daripada mereka menyeru orang ramai meninggalkan aplikasi media sosial terbabit.

Kini, kekusaran dibangkitkan lebih terseleh apabila pemilik baharu aplikasi pesanan terbabit mahu berkongsi segala maklumat yang ada di dalamnya dengan aplikasi media sosial milik mereka untuk tujuan komersial.

Terma baharu aplikasi pesanan ini meminta penggunanya membenarkan perkongsian lebih banyak maklumat, termasuk nombor telefon dan lokasi dengan aplikasi media sosial lain sebagai syarikat induknya.

Elonk Musk, seorang pakar teknologi yang mengasaskan Tesla dan SpaceX menyarankan pengguna aplikasi pesanan telefon pintar bertukar kepada aplikasi Signal.

Begitu juga di Turki, kerajaan dan rakyatnya beralih daripada penggunaan aplikasi pesanan telefon pintar ke-

pada aplikasi BIP dan Dedi ciptaan anak tempatan mereka.

Selain isu kerahsiaan maklumat peribadi pengguna, aplikasi telefon pintar juga mempunyai beberapa masalah keselamatan.

Pertama, terdapat perisian hasad atau *malware* untuk aplikasi ini berasaskan web. Penggunaannya yang meluas mengundang kepada masalah ini dengan banyak pihak berupaya menceroob penggunaan aplikasi pesanan telefon pintar menerusi aplikasi webnya dengan pelbagai cara seperti membuat aplikasi hasad ketika proses muat turun atau pemasangannya dan menyediakan aplikasi web palsu atau *phishing* untuk menipu pengguna.

Kedua, proses sandaran atau *back up* dibuat tanpa dienkrip kerahsiaan datanya. Walaupun, proses penghantaran mesej menerusi aplikasi ini dienkrip secara penghantar-penerima, kandungannya dinyahenkrip pada peralatan penerima mesej.

Jadi, apabila semua mesej itu dibuat salinan sandaran ke pelantar sandaran seperti Google Drive atau iCloud, ia dibuat dalam bentuk tidak dienkrip.

Ketiga, penulatan maklumat tidak benar atau scam menerusi aplikasi media sosial pemiliknya terutama kumpulan diwujudkan, menjadi isu keselamatan kepada beberapa negara dan ia akan mempengaruhi juga perjalanan penggunaan aplikasi pesanan ini.

Antaranya, penyebaran maklumat tidak lengkap ketika kempen pemilihan Presiden Amerika Syarikat (AS) pada 2016, penyebaran maklumat keganasan berkaitan kanak-kanak di India sepanjang 2017 dan 2018 serta penyebaran maklumat tidak lengkap ketika pilihan raya di Brazil pada 2018.

Era pandemik COVID-19 ini juga membataskan pergerakan seseorang, menyebabkan aplikasi pesanan telefon pintar dan media sosial banyak membantu masyarakat berkomunikasi terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Dengan mengetahui dan memahami isu keselamatan dalam aplikasi pesanan telefon pintar serta media sosial, pengguna seharusnya berfikir banyak kali untuk berkongsi dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Apakah maklumat itu memberi manfaat kepadanya dan orang lain ataupun tidak? Jadi, berpada-pada mengungkapkannya.

Ingatlah kajian pakar menyatakan penggunaan berlebihan boleh mengundang ketagihan dan menghalang kebolehan seseorang berfikir secara bijak.

Penulis adalah Pensyarah Jabatan Keselamatan Maklumat dan Teknologi Web, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



Firkhan Ali Hamid Ali

Selain isu kerahsiaan maklumat peribadi pengguna, aplikasi telefon pintar juga mempunyai beberapa masalah keselamatan.